



KPWKM

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

MAJLIS PENYERAHAN GERAN MYKASIH KAPITAL

LOKASI / TARIKH / MASA

HOTEL MOVENPICK, SEPANG / 12 APRIL 2021 / 3:00 PM

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) **PENDAHULUAN**

1. **Alhamdulillah**, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya jua, saya dikurniakan **Kekuatan, Kesihatan dan Kesempatan** untuk hadir menyempurnakan **Penyerahan Geran MyKasih Kapital pada petang yang mulia ini.**
2. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Insyallah, esok umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan mulia yang penuh keberkatan, bulan mulia yang dijanjikan gandaan pahala, bulan mulia yang dilimpahi dengan nikmat rezeki.

3. Bercakap tentang nikmat rezeki di bulan Ramadan, saya percaya ramai wanita yang ingin merebutnya menerusi aktiviti perniagaan. Buktinya sudah ada di hadapan saya, wanita-wanita yang bersemangat Waja untuk menceburi aktiviti perniagaan.

4. Tidak kiralah jenis perniagaan yang diceburi, sama ada besar ataupun kecil, ia adalah salah satu sumber pendapatan. Tidak dinafikan melalui **perniagaan seseorang mampu mengubah nasib dan kehidupannya.** Malahan, sudah dinyatakan dalam hadith, 9 daripada 10 sumber rezeki adalah melalui perniagaan.

5. Sesungguhnya wanita dan aktiviti perniagaan amat sinonim sekali. Hatta pada zaman Rasulullah SAW sekalipun, **isteri Baginda Saidatina Siti Khadijah Al-Khuwailid adalah seorang wanita Arab yang berjaya**

dalam perniagaan yang diusahakannya walaupun berdepan pelbagai krisis. Hari ini, di bumi Malaysia, telah ramai juga usahawan-usahawan di kalangan wanita telah berjaya dilahirkan.

6. Maka, petang ini menjadi saksi, betapa Keprihatinan Kerajaan dalam usaha memperkasakan keupayaan wanita dalam aktiviti perniagaan, sekali lagi dizahirkan dengan Penyampaian Geran MyKasih Kapital buat wanita-wanita yang ingin bergelar usahawan.

(B) PROGRAM “MYKASIH KAPITAL”

7. Untuk makluman semua, Program MYKASIH KAPITAL adalah insentif Kerajaan Perikatan Nasional yang diumumkan oleh YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia yang

kita kasihi pada 8 Mac 2021 bersempena Sambutan Hari Wanita Tahun 2021 baru-baru ini.

8. Pemberian insentif ini adalah sebagai **satu usaha untuk menggalakkan golongan wanita untuk berniaga terutamanya yang terlibat dalam bidang e-dagang atau dropship.**
9. **Terdapat tiga (3) Objektif utama program Bantuan MyKasih Kapital** ini seperti berikut:

PERTAMA: Memperkasa ekonomi wanita yang terkesan dengan pandemik COVID-19 melalui pemberian modal perniagaan;

KEDUA: Membantu meningkatkan taraf hidup wanita yang memerlukan bantuan kewangan segera melalui peruntukan kewangan bagi memulakan perniagaan; dan

KETIGA: Mengoptimumkan potensi wanita berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan Kerajaan sepenuhnya.

10. **Seperti yang kita semua sedia maklum, Pandemik COVID-19 merupakan isu sejagat,** yang perlu dihadapi oleh semua pihak dan merupakan satu cabaran baharu kepada Kerajaan-Kerajaan di dunia untuk menangani krisis ini dengan bijak.

11. **Di Malaysia,** Kerajaan Perikatan Nasional **turut sama merasai keperitan rakyat di peringkat akar umbi.** Ada rakyat yang **kehilangan pekerjaan,** ada yang **terjejas sumber pendapatan,** tidak kurang juga ada yang **berdepan krisis keluarga dek tekanan hidup semasa pandemik.** Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya percaya golongan Wanita adalah **golongan yang paling terkesan dengan krisis yang dibawa oleh pandemik COVID-19,** terutamanya dalam menguruskan ekonomi rumah tangga yang terjejas akibat pelaksanaan PKP dan seumpamanya.

12. Menyedari akan cabaran ini, maka Kerajaan Perikatan Nasional tidaklah membiarkan wanita-wanita terus tertekan, malah Kerajaan Perikatan Nasional terus mencari jalan, bagaimana wanita-wanita boleh dibantu

menerusi aktiviti perniagaan, agar kesan pandemik COVID-19 kepada ekonomi wanita dan keluarga dapat dikurangkan.

13. Maka, Kerajaan Perikatan Nasional di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin, **mengumumkan khabar baik buat wanita yang tekad untuk bergelar usahawan** menerusi penawaran Geran MyKasih Kapital hari ini.

(C) PERUNTUKAN DI BAWAH MY KASIH CAPITAL

Puan-Puan, Wanita Waja yang saya kasihi sekalian,

14. Untuk makluman semua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Program MyKasih Capital ini, telah memperuntukkan geran sebanyak **DUA (2) JUTA RINGGIT untuk para**

wanita yang berminat untuk menjana pendapatan melalui perniagaan.
Saya jangkakan seramai 4000 orang wanita bakal mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini.

15. Semestinya saya amat teruja untuk menyampaikan Geran MyKasih Kapital ini yang merupakan manifestasi **sokongan saya kepada para wanita yang bakal bergelar usahawan.**

16. Saya kira, Puan-Puan dihadapan saya, adalah antara wanita-wanita yang bertuah yang telah melepasi saringan pemilihan bagi kelayakan menerima inisiatif ini. **Ingatlah bahawa penerimaan Geran ini adalah untuk membantu Puan-puan berniaga, maka pasakkanlah semangat dan**

komitmen dalam perniagaan yang bakal Puan-puan usahakan. Jangan mudah berputus asa, apatah lagi untuk mengalah.

17. Ini selaras dengan slogan yang saya selalu sebutkan iaitu **“Wanita Waja Negara”** dan Tema kepada sambutan Hari Wanita Tahun 2021 ini iaitu **“Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”**.
18. Saya dikhabarkan pelbagai aktiviti perniagaan yang ingin diusahakan oleh Puan-puan yang menerima Geran MyKasih Kapital ini. Dengan ketibaan bulan Ramadan tidak lama lagi, Puan-Puan **bolehlah memulakan perniagaan yang bersesuaian seperti jualan makanan, pakaian, tudung dan keperluan lain yang boleh menjana pendapatan.**

(D) **KURSUS KOMPETENSI KEUSAHAWANAN**

Puan-puan, Wanita Waja di hadapan saya,

19. Dalam memastikan Puan-Puan yang menerima bantuan melalui geran ini dapat memulakan perniagaan dengan efektif, Kementerian amat komited untuk memastikan Puan-Puan dibekalkan dengan ilmu keusahawanan yang sewajarnya.

20. Justeru, Kementerian menerusi agensinya Yayasan Kebajikan Negara telah menyusun **beberapa program sebagai pengisian kepada inisiatif ini yang merangkumi sesi perkongsian ilmu dan pengalaman dari Usahawan-usahawan yang telah berjaya serta menjemput INSTITUT**

KEUSAHAWANAN NEGARA yakni INSKEN untuk membuka “BIZ CLINIC” bagi memberikan nasihat secara bersemuka kepada Puan-Puan yang akan menceburi bidang keusahawanan.

21. Saya juga dimaklumkan bahawa pada pagi tadi Puan-Puan telah mendengar **perkongsian pengalaman dari beberapa usahawan berjaya seperti Pengasas kepada ATCC Bakery and Trading, Pengasas Sushiwak Malaysia, Pengasas Aina Ayla Group serta usahawan berjaya dari NOIR Health and Beauty.**

22. Tidak cukup dengan itu, saya juga mendapati wakil-wakil dari **The Sharifah Empire dan Green Pharmacy Wellness Club** turut turun padang membuka “booth” masing-masing bagi memberi penerangan dan **perkongsian pengalaman untuk menjana pendapatan menerusi produk mereka.**

23. Saya berharap peluang ini digunakan sebaiknya oleh Puan-Puan untuk mendekati mereka seterusnya menimba ilmu dan pengalaman sebanyak mungkin dari mereka yang telah berjaya.

(E) PENILAIAN OUTCOME PEMBERIAN BANTUAN GERAN

Puan-Puan yang saya kasihi,

24. Pastinya Kementerian amat komited dalam memastikan setiap outcome dan impak yang terhasil dari setiap inisiatif yang disumbangkan.

Dalam hal ini, bagi memastikan Geran MyKasih Kapital ini benar-benar digunakan oleh penerimanya dalam mengusahakan perniagaan yang telah dirancang, Yayasan Kebajikan Negara akan melaksanakan Kajian

Penilaian Keberhasilan Atau Penilaian Outcome ke atas usahawan-usahawan yang telah menerima geran ini.

25. Kajian ini juga akan menilai **kesan impak sosial yang dapat dihasilkan menerusi pemberian Geran ini, seperti berapa jumlah pendapatan yang mampu dijana oleh setiap penerima Geran ini.** Program pemantauan dan penilaian keberhasilan ini akan dilaksanakan **selepas enam bulan daripada tempoh pemberian geran.**

(F) INISIATIF PEMERKASAAN WANITA DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Puan-Puan yang saya kasihi sekalian,

26. Kerajaan Perikatan Nasional adalah Kerajaan Prihatin yang peka dengan pembangunan wanita, terutamanya dalam usaha pemerkasaan wanita dalam bidang keusahawanan. **Istilah “PRIHATIN” ini bukanlah atas sekadar nama semata-mata,** namun ia dizahirkan menerusi pelbagai tawaran bantuan untuk menyokong wanita berniaga.

27. Justeru, suka saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi juga dengan Tuan-tuan dan Puan-puan tentang inisiatif-inisiatif lain yang ditawarkan oleh

Kerajaan Malaysia yang Prihatin kepada pembangunan usahawan wanita, di samping tawaran Geran MyKasih Kapital hari ini.

28. **Inisiatif-inisiatif ini termasuklah:**

- Peruntukan sebanyak **RM50 juta** bagi **pembiayaan mikro dengan kerjasama BSN dan TEKUN Nasional** telah diberi khusus untuk usahawan wanita;
- Kerajaan juga telah memperkenalkan **MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia** bagi membantu golongan usahawan wanita memasarkan produknya menggunakan website **pemasaran digital @ e-commerce**;

- KPWKM dengan kerjasama **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi** pula telah melaksanakan **Program Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent** atau ringkasnya **“SWEET”** melalui Perbadanan Nasional Berhad yang melatih lebih ramai usahawan wanita untuk berkecimpung dalam bidang francais; dan
- **Program TemanNita** dengan kerjasama TEKUN telah menawarkan program pembangunan Usahawan Wanita dan Pembiayaan perniagaan buat wanita yang berminat untuk menjadi usahawan.

29. Saya berharap, disamping menerima Geran MyKasih Kapital ini untuk memulakan perniagaan, Puan-Puan juga boleh merebut peluang untuk memohon inisiatif-inisiatif yang saya sebutkan sebentar tadi, bagi membangunkan perniagaan Puan-puan kelak.

(G) SERUAN DAN KATA NASIHAT

Puan-Puan, Wanita Waja Negara sekalian,

30. Tidak dapat kita nafikan bahawa **setiap perniagaan akan berdepan dengan risikonya.** Dalam hal ini, Puan-Puan perlulah bersedia dari segi mental dan fizikal serta perlu memasakkan semangat besar untuk mendepani segala cabaran dalam berniaga.

31. **Biar apa pun risiko yang mendatang, kita perlu berani mencuba.** Setiap orang yang berniaga perlu mengambil tanggungjawab sepenuhnya kepada apa sahaja keputusan yang dibuat. Risiko dalam perniagaan perlu ditangani dengan cekap bagi mengelakkan kegagalan. Oleh itu, kita perlu meletakkan

usaha, komitmen dan kesabaran yang tinggi apabila kita ingin terlibat dalam perniagaan.

32. Janganlah usaha Puan-Puan diibaratkan umpama **'hangat-hangat tahi ayam'**, yang mana **semangatnya hanya seketika dan bermusim**. Kalau sifat ini masih ada dalam diri Puan-Puan, maka **sudah pasti kejayaan dalam perniagaan tidak dapat kita capai.**
33. **Teruskan belajar dan fokus kepada apa yang kita usahakan.** Saya percaya **bisnes yang besar-besaran bermula dari perniagaan kecil-kecilan.** Geran MyKasih Kapital ini mungkin tidak sebesar mana nilainya, **namun dengan perancangan yang teliti, pengurusan modal yang tersusun, saya percaya inisiatif ini amat bermakna sebagai sokongan buat Puan-Puan bergelar usahawan.**

(H) UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN

34. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan Tahniah kepada semua penerima Geran MyKasih Kapital pada hari ini. Puan-Puan adalah wanita-wanita hebat, yang bersemangat waja dan berani bangkit mendepani cabaran. Selamat Maju Jaya dalam perniagaan masing-masing.
35. Sekalung penghargaan buat semua penceramah yang sudi berkongsi pengalaman dan tips kejayaan buat semua bakal usahawan di hadapan saya ini. Tidak dilupakan terima kasih jua pada pempamer yang telah membuka “booth” sebagai pengisian kepada program ini. Saya doakan semoga bisnes kalian akan terus maju dan dapat membimbing usahawan-usahawan baru menjana pendapatan ke arah kehidupan yang lebih baik.

Saya percaya berkat perkongsian ilmu yang kalian kongsiikan, **Rezeki Yang Secukup Menjadi Segantang, Hasil Yang Sedepa Menjadi Sehasta. Semoga kita dapat lahirkan lebih ramai wanita yang menjadi usahawan yang berjaya.**

(I) **PENUTUP**

Puan-Puan sekalian,

36. Pada kesempatan ini, saya ucapkan **Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak dan Selamat Berpuasa buat semua.** Semoga bulan Ramadan ini akan memberi pulangan rezeki yang melimpah ruah pada perniagaan yang Puan-Puan usahakan.

37. Akhir kata, Saya akhiri ucapan ini dengan meninggalkan anda dengan mudah berikut:

**Wanita itu berjiwa kesatria
Lembutnya bukan satu kelemahan
Semangatnya berpasak seribu kekuatan**

**Wanita Waja Negara
Yang tidak luluh, dek pukulan badai bergemuruh
Yang tidak bergoyang, dek hempasan gelombang laut pasang
Dugaan dirempuh, cabaran kita rempuh**

**Biarpun sakit, kita tetap bangkit
Kita Berniaga Bukan Sekadar “Suka-Suka”
Kita Berniaga Untuk Kehidupan Yang Lebih Sempurna.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
12 APRIL 2021